

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1979

Tuan,

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN-PERATURAN PENYERAPAN
PEGAWAI-PEGAWAI SEMENTARA KE DALAM JAWATAN TETAP SEMUA
KUMPULAN, (SELAIN DARIPADA JAWATAN PROFESYENAL DALAM
KUMPULAN A, MATA-MATA TAMBAHAN, PENGAKAP SEMPADAN DAN
ANGGOTA UNIT KESELAMATAN)**

Pertimbangan Untuk Penyerapan

Urusan-urusan penyerapan telah pun dijalankan pada masa lepas bagi memberi peluang kepada pegawai-pegawai sementara diserapkan ke perjawatan tetap. Syarat-syarat dan peraturan-peraturan penyerapan telah dikeluarkan melalui Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan berhubung dengannya. Setelah beberapa urusan penyerapan dijalankan namun masih lagi terdapat ramai bilangan pegawai sementara yang telah tertinggal dalam urusan penyerapan yang dijalankan itu. Samada disedari atau tidak oleh Ketua Jabatan yang berkenaan, kebanyakan di antara mereka itu telah begitu lama berkhidmat atas dasar sementara tanpa tindakan diambil untuk memberi peluang kepada mereka dilantik ke jawatan tetap.

2. Pegawai-pegawai sementara dalam perkhidmatan Kerajaan boleh dikategorikan kepada tiga jenis seperti berikut:

- (a) Pegawai sementara mengisi jawatan tetap;
- (b) Pegawai sementara mengisi jawatan sementara;
- (c) Pekerja sambilan.

Pertimbangan bagi menyerapkan seseorang pegawai sementara dalam urusan-urusan penyerapan yang lepas adalah berdasarkan kepada prinsip pegawai sementara yang mengisi jawatan tetap. Bagaimana pun, untuk memberi peluang yang lebih luas kepada pegawai-pegawai sementara, adalah diputuskan bahawa pegawai sementara dalam semua kumpulan (selain daripada

pegawai sementara yang mengisi jawatan profesyenal dalam kumpulan A serta pekerja-pekerja sambilan dan pegawai-pegawai kontrek) yang *telah dilantik sebelum 1-7-77*, dan telah berkhidmat tidak kurang daripada 3 tahun pada tarikh itu adalah layak dipertimbangkan untuk diserapkan ke jawatan di Kementerian /Jabatan Kerajaan di mana mereka berkhidmat sekarang.

Peraturan Urusan Penyerapan

3. Syarat-syarat dan peraturan penyerapan adalah berasaskan kepada kelayakan akademik sebagaimana yang diperuntukkan dalam Skim Perkhidmatan dan jika didapati perlu syarat itu dilonggarkan. Sekiranya kelayakan seseorang pegawai sementara itu

lebih rendah daripada kelayakan yang paling rendah dalam Skim Perkhidmatan yang berkenaan, maka ia akan dianggap telah memiliki kelayakan akademik yang paling rendah mengikut Skim Perkhidmatan yang berkenaan. Perkara yang mustahak untuk diambilkira dalam urusan penyerapan ini ialah kebolehan dan pengalaman pegawai-pegawai sementara, menjalankan kerja dan tugas-tugas jawatannya. Syarat-syarat dan peraturan-peraturan seperti di [Lampiran "A"](#) bagi perkhidmatan awam (selain daripada Perkhidmatan Pelajaran) dan di [Lampiran "B"](#) bagi Perkhidmatan Pelajaran telah diluluskan. Perbekalan dalam Surat Pekeliling ini boleh ditambah di mana yang perlu mengikut kehendak suatu Skim Perkhidmatan selepas pelaksanaan tanggungaji baru Jawatankuasa Kabinet.

4. Urusan penyerapan bagi mereka yang layak mengikut syarat yang ditetapkan di perenggan 2 di atas, iaitu pegawai-pegawai sementara yang telah dilantik pada atau sebelum tarikh 30-6-1974 hendaklah dikendalikan *sekali sahaja* selewat-lewatnya pada 30-6-1980.

5. Sekiranya tiada jawatan-jawatan kosong, jawatan sementara yang diisi oleh pegawai sementara yang layak diserapkan itu hendaklah dijadikan jawatan tetap bagi menampung pegawai berkenaan. Laporan hendaklah diberi kepada Jabatan Perkhidmatan Awam selepas satu-satu penyerapan di selesaikan menyatakan bilangan pegawai sementara yang dilantik berikutan dengan penyerapan itu dan nama-nama pegawai sementara yang ditamatkan perkhidmatan mereka setelah gagal dalam

urusan penyerapan tersebut.

Keutamaan diberi Untuk Memohon Lantikan Terus

6. Pegawai-pegawai sementara yang dilantik selepas 1-7-1977 adalah *tidak layak* mendapat faedah daripada syarat-syarat penyerapan mengikut Surat Pekeliling ini. Walaubagaimanapun pegawai-pegawai sementara berkenaan sekiranya mempunyai kelayakan masuk yang diisyaratkan hendaklah diberi keutamaan dalam urusan pengambilan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong di Kementerian/Jabatan/Pejabat yang berkenaan.

Pegawai Sementara Yang Gagal Ditamatkan

7. Pegawai-pegawai sementara yang tidak layak diserapkan dalam urusan penyerapan kali ini, samada mengisi jawatan tetap atau sementara oleh kerana tidak memenuhi syarat berkhidmat selama 3 tahun pada 1-7-1977, akan dianggap sebagai mempunyai kelayakan untuk diserapkan ke dalam jawatan tetap apabila mencapai tempoh perkhidmatan 3 tahun dalam jawatan yang berkenaan dengan syarat dilantik sebelum 1-7-1977. Mereka itu apabila mencapai tempoh berkhidmat selama 3 tahun dalam jawatan yang sama adalah layak dipertimbangkan untuk diserapkan ke dalam jawatan tetap, dan apabila diserapkan mereka sekiranya mengisi jawatan sementara hendaklah terlebih dahulu diserapkan ke jawatan-jawatan tetap yang sama yang kosong di Jabatan yang sama pada tarikh mereka diserapkan. Urusan penyerapan bagi mereka ini, iaitu pegawai-pegawai sementara yang dilantik selepas daripada tarikh 1-7-1974 tetapi sebelum 1-7-1977, hendaklah dikendalikan *sekali sahaja* yang tidak lebih awal daripada tarikh 1-7-1980 tetapi selewat-lewatnya pada 30-6-1981. Pegawai-pegawai sementara yang gagal diserapkan hendaklah ditamatkan perkhidmatan mereka.

Perhatian Ketua Jabatan

8. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan serta Y.B Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri adalah dengan ini dipinta menyampaikan kandungan Surat Pekeliling ini kepada semua kategori pegawai sementara yang terlibat di bawah kawalan dan kawasan masing-masing.

Pembatalan

9. Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan berikut adalah dibatalkan:

[Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 26 Tahun 1972](#)

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1973.

Saya yang menurut perintah,

(MAHMUD BIN TAIB)

*Pengarah Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia*

4hb Julai, 1979

Semua Ketua-ketua Setiausaha kementerian.

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,

Jalan Young,

Kuala Lumpur.

Setiausaha,

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran,

Jalan Spooner, Kuala Lumpur.

Setiausaha ,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Negeri-negeri.

Salinan: Akauntan Negara,

Malaysia

Kuala Lumpur.

"Juru Odit Negara",
Pejabat Juru Odit Negara,
Jalan Young,
Kuala Lumpur.

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN-PERATURAN PENYERAPAN PEGAWAI-PEGAWAI SEMENTARA (SEMUA KUMPULAN SELAIN DARIPADA JAWATAN PROFESYENAL DALAM KUMPULAN A) PERSEKUTUAN DAN NEGERI, TERMASUK PEGAWAI-PEGAWAI SEMENTARA (TIDAK TERMASUK GURU-GURU) DI BAWAH KEMENTERIAN PELAJARAN SELAIN DARIPADA MATA-MATA TAMBAHAN, PENGAKAP SEMPADAN DAN ANGGOTA UNIT KESELAMATAN KE DALAM JAWATAN TETAP

1. Semua pegawai-pegawai sementara yang :

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berusia tidak lebih daripada 50 tahun;

Walau bagaimanapun mereka yang telah berumur lebih daripada 50 tahun boleh juga dipertimbangkan untuk penyerapan ke jawatan tetap dengan syarat mereka hendaklah mempunyai kelayakan penuh yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatannya;

(c) Memenuhi kelayakan yang ditetapkan di perenggan 2 atau perenggan 7 Surat Pekeliling Perkhidmatan; dan

Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia
(d) dengan memuaskan.

adalah layak untuk ditimbang bagi diserapkan ke jawatan tetap. Tiap-tiap pegawai sementara yang berkelayakan hanya diberi satu, peluang penyerapan sahaja.

2. Semua pegawai-pegawai Sementara hendaklah mengemukakan permohonan mereka dalam borang SPA. 1-Pindaan 4/78 melalui Ketua Jabatannya supaya sampai ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Negeri tidak lewat daripada tarikh yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu. Permohonan.

3. Laporan Sulit Khas, Laporan Kelakuan dan Kenyataan Perkhidmatan mengenai pegawai-pegawai sementara itu dikehendaki disertakan bersama-sama dengan permohonan mereka.

Laporan

Sulit

Kenyataan

Pemohon

4. Pegawai-pegawai sementara yang tidak dipilih untuk dilantik secara tetap dan yang dipilih tetapi tidak menerima lantikan secara tetap, serta yang tidak memohon akan:

(a) *Jika mereka sekarang mengisi Jawatan-jawatan tetap*

Ditamatkan perkhidmatan mereka sebaik-baik sahaja terdapat calon-calon yang dalam kategori yang sama memegang jawatan sementara yang memilih untuk diserapkan atau terdapat calon-calon yang mempunyai kelayakan penuh bagi mengisi jawatan-jawatan yang mereka sandang, atau ditukarkan untuk mengisi jawatan sementara(jika ada) dengan syarat mereka diperakukan layak dan sesuai untuk menyandang jawatan tersebut;

(b) *Jika mereka sekarang mengisi jawatan-jawatan sementara*

Diteruskan perkhidmatan mereka sebagai Pegawai Sementara dengan syarat mereka menjalankan pekerjaan mereka dengan sempurna sehingga luput jawatan-jawatan itu atau sehingga mereka meningkat umur bersara, mengikut mana yang lebih awal

5. Pegawai-pegawai Sementara yang akan diserapkan ke dalam jawatan tetap adalah dikehendaki lulus pemeriksaan doktor sebelum dilantik. Tetapi mereka yang telah lulus pemeriksaan doktor bagi maksud lantikan secara sementara dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh mereka diserapkan sebagai pegawai tetap adalah dikecualikan daripada pemeriksaan tersebut.

Pemeriksaan

Doktor

6. Peraturan yang biasa dipakai mengenai penamatan perkhidmatan sementara tidak akan dipakai bagi pegawai-pegawai sementara yang diserapkan ke jawatan tetap.
7. Pegawai-pegawai sementara yang diserapkan ke dalam jawatan tetap akan tertakluk kepada Skim Perkhidmatan masing-masing. Mereka tidak akan dikecualikan daripada peperiksaan yang diisyaratkan dalam Skim Perkhidmatan bagi maksud pengesahan dalam jawatan, melainkan jika mereka telah lulus peperiksaan itu pada masa yang lalu.
8. Pegawai-pegawai sementara yang diserapkan ke jawatan tetap akan dikenakan tempoh percubaan selama 2 hingga 3 tahun. Mereka akan disahkan dalam jawatan apabila mereka lulus peperiksaan/peperiksaan-peperiksaan yang disyaratkan; telah tamat tempoh percubaan; serta diperakukan oleh Ketua Jabatan. Dalam tempoh percubaan pegawai-pegawai yang diserapkan adalah dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kemasukan ke dalam perjawatan berpencen adalah tertakluk kepada peraturan bagi faedah-faedah persaraan sebagaimana tertakluk di dalam perenggan 12 dibawah.
9. Lantikan secara tetap akan berkuatkuasa mulai daripada tarikh surat tawaran bagi lantikan itu dengan syarat pegawai-pegawai sementara yang diberi tawaran itu menyatakan penerimaan mereka akan dilantik itu dan jua dengan syarat mereka lulus atau dikecualikan daripada pemeriksaan doktor mengikut perenggan 5 diatas.
10. Pegawai sementara yang berjaya diserapkan ke jawatan tetap akan dilantik ke dalam tingkatan di mana ia sedang berada semasa ia menjadi pegawai sementara dahulu (di mana jawatan yang ada mempunyai berbagai tingkatan) dan akan diberi gaji masuk yang sama /atau yang lebih tinggi yang paling dekat jumlahnya dengan gaji yang diterimanya sebagai pegawai sementara dalam tanggungaji di mana ia akan diserapkan dengan syarat-syarat berikut:
- (a) Pegawai itu adalah dibenarkan terus menerima kenaikan gaji tahunannya

Penamatan
Perkhidmatan.

Pengecualian
Peperiksaan

Tempoh
Percubaan

Tarikh
Lantikan

Gaji Masuk

dalam tempoh percubaannya. Jika tangga masuk yang ditetapkan itu adalah tangga yang terkeatas daripada sekatan peperiksaan pertama/sekatan percubaan maka sekatan itu hendaklah dianggap seolah-olah telah diubah ke hadapan. Kenaikan gaji terusnya adalah tertakluk kepada syarat bahawa pegawai itu telah disahkan dalam jawatannya setelah memenuhi semua syarat-syarat yang dikenakan menurut Skim Perkhidmatan dan/atau surat tawaran jawatan yang berkenaan.

- (b) Sekiranya sekatan percubaan/sekatan peperiksaan pertama yang dianggap telah diubah ke hadapan itu melangkah sekatan kecekapan (bagi jawatan yang tanggungajinya mempunyai sekatan percubaan/sekatan kecekapan sahaja), seseorang pegawai itu boleh menerima kenaikan gaji dalam tempoh percubaannya walaupun ia diberi tangga masuk yang terletak di atas sekatan kecekapan. Sekatan kecekapan pula hendaklah dianggap turut berubah ke hadapan dan bertindih dengan sekatan percubaan/sekatan peperiksaan pertama yang dianggap telah diubah ke hadapan itu. Kenaikan gaji seterusnya adalah tertakluk kepada

syarat bahawa pegawai itu disahkan dalam jawatannya dan juga memenuhi syarat melangkah sekatan kecekapan.

- (c) Sekiranya sekatan percubaan/sekatan peperiksaan pertama yang dianggap telah diubah ke hadapan itu melangkah sekatan peperiksaan kedua (bagi jawatan yang tanggungajinya mempunyai sekatan percubaan/sekatan peperiksaan pertama dan sekatan peperiksaan kedua serta sekatan kecekapan di mana berkenaan), seseorang pegawai itu boleh menerima kenaikan gaji di dalam tempoh percubaannya walaupun ia diberi tangga masuk yang terletak di atas sekatan peperiksaan kedua. Sekatan-sekatan berkenaan hendaklah dianggap seolah-olah diubah sewajarnya ke hadapan. Selepas disahkan dalam jawatan ia bolehlah diberi tempoh 3 tahun lagi untuk lulus peperiksaan kedua. Dalam Tempoh ini ia boleh dibenarkan menerima

kenaikan gaji tahunan. Selepas daripada tempoh itu peraturan biasa mengenai pemberhentian dan penangguhan kenaikan gaji akan dikenakan.

11. Keganan pegawai yang diserapkan ini akan ditetapkan pada tarikh diserapkan ke dalam jawatan tetap mengikut perbekalan dalam [Perintah Am Bab "A" 43](#). Jika terdapat di antara mereka yang diserapkan pada tarikh yang sama, susunan kegananan mereka akan ditentukan mengikut susunan kebolehan (order of merit) yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam masing-masing. Kegananan
12. Faedah persaraan adalah tertakluk kepada Seksyen IV dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#). Faedah Persaraan

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN-PERATURAN PENYERAPAN GURU-GURU (PEGAWAI PERKHIDMATAN PELAJARAN) SEMENTARA DI BAWAH KEMENTERIAN PELAJARAN SEMUA KATEGORI KE DALAM JAWATAN TETAP

1. Semua Guru-guru Sementara (Pegawai Perkhidmatan Pelajaran) semua kategori yang:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berusia tidak lebih daripada 50 tahun;
- (c) Memenuhi kelayakan yang ditetapkan di perenggan 2 atau perenggan 7 Surat Pekeliling Perkhidmatan;
- (d) Memperolehi kelayakan penuh mengikut Skim Perkhidmatan kategori masing-masing. Bagaimanapun sebagai kelonggaran kelayakan masuk khas bagi Guru-guru yang telah menjalani kursus perguruan yang tidak memiliki Sijil Pelajaran Malaysia adalah layak diserapkan di Kategori B1 atau B2 tertakluk kepada syarat memperolehi kepujian Bahasa Malaysia di peringkat peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, jika belum memperolehinya dalam tempoh percubaannya;

adalah layak untuk dipertimbangkan bagi diserapkan ke jawatan tetap tiap-tiap guru sementara (Pegawai Perkhidmatan Pelajaran) hanya diberi satu peluang penyerapan sahaja.

2. Semua pegawai-pegawai sementara hendaklah mengemukakan permohonan Permohonan mereka dalam borang SPP1 melalui Ketua Jabatannya supaya sampai ke Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran tidak lewat daripada tarikh yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

3. Laporan Sulit Khas, laporan Kelakuan dan Kenyataan Perkhidmatan mengenai Laporan Sulit pegawai-pegawai sementara itu dikehendaki disertakan bersama-sama dengan Kenyataan

permohonan mereka.

Perkhidmatan

4. Pegawai-pegawai sementara yang tidak dipilih untuk dilantik secara tetap dan yang dipilih tetapi tidak menerima lantikan secara tetap, serta yang tidak memohon akan;

(a) *Jika mereka sekarang mengisi jawatan-jawatan tetap*

Ditamatkan perkhidmatan mereka sebaik-baik sahaja terdapat calon-calon yang dalam kategori yang sama yang memegang jawatan sementara yang memilih untuk diserapkan atau terdapat calon-calon yang mempunyai kelayakan penuh bagi mengisi jawatan-jawatan yang mereka sandang, atau ditukarkan untuk mengisi jawatan sementara (jika ada) dengan syarat mereka diperakukan layak dan sesuai untuk menyandang jawatan yang tersebut.

(b) *Jika mereka sekarang mengisi jawatan-jawatan sementara*

Diteruskan perkhidmatan mereka sebagai pegawai sementara dengan syarat mereka menjalankan pekerjaan mereka dengan sempurna sehingga luput jawatan-jawatan itu atau sehingga

mereka meningkat umur bersara mengikut mana yang lebih awal. Diteruskan perkhidmatan mereka sebagai pegawai sementara dengan syarat mereka menjalankan pekerjaan mereka dengan sempurna sehingga luput jawatan-jawatan itu atau sehingga mereka meningkat umur bersara mengikut mana yang lebih awal.

5. Pegawai-pegawai sementara yang akan diserapkan ke dalam jawatan tetap adalah dikehendaki lulus pemeriksaan doktor sebelum dilantik. Tetapi mereka yang telah lulus pemeriksaan doktor bagi maksud lantikan secara sementara dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh mereka diserapkan sebagai pegawai tetap adalah dikecualikan daripada pemeriksaan tersebut. Pemeriksaan Doktor.

6. Peraturan yang biasa dipakai mengenai penamatan perkhidmatan sementara tidak akan dipakai bagi pegawai-pegawai sementara yang diserapkan ke jawatan tetap. Penamatan Perkhidmatan.
7. Pegawai-pegawai sementara yang diserapkan ke dalam jawatan tetap akan tertakluk kepada Skim Perkhidmatan masing-masing. Mereka tidak akan dikecualikan daripada peperiksaan yang disyaratkan dalam Skim Perkhidmatan bagi maksud pengesahan dalam jawatan, melainkan jika mereka telah lulus peperiksaan itu pada masa yang lalu. Pengecualian Peperiksaan.
8. Pegawai-pegawai sementara yang diserapkan ke jawatan tetap akan dikenakan tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. Mereka akan disahkan dalam jawatan apabila mereka lulus peperiksaan/peperiksaan-peperiksaan yang disyaratkan; telah tamat tempoh percubaan; serta diperakukan oleh Ketua Jabatan. Dalam tempoh percubaan pegawai-pegawai yang diserapkan adalah dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kemasukan ke dalam perjawatan berpencen adalah tertakluk kepada peraturan bagi faedah-faedah persaraan sebagaimana tertakluk di dalam perenggan 12 di bawah. Tempoh Percubaan
9. Lantikan secara tetap akan berkuatkuasa mulai daripada tarikh surat tawaran bagi lantikan itu dengan syarat pegawai-pegawai sementara yang diberi tawaran itu menyatakan penerimaan mereka akan dilantik itu dan juga dengan syarat mereka lulus atau dikecualikan daripada pemeriksaan doktor mengikut perenggan 5 diatas. Tarikh Lantikan
10. Pegawai sementara yang berjaya diserapkan ke jawatan tetap akan dilantik ke dalam tingkatan di mana, ia sedang berada semasa ia menjadi pegawai sementara dahulu (dimana jawatan yang ada mempunyai berbagai tingkatan) tidak akan diberi gaji masuk yang sama/atau yang lebih tinggi yang paling dekat jumlahnya dengan gaji yang diterimanya sebagai pegawai sementara dalam tanggagaji di mana ia akan diserapkan dengan syarat-syarat berikut: Gaji Masuk
- (a) Pegawai itu adalah dibenarkan terus menerima kenaikan gaji tahunnya

dalam tempoh percubaannya. Jika tangga masuk yang ditetapkan itu adalah tangga yang ke atas daripada sekatan peperiksaan pertama/sekatan percubaan maka sekatan itu hendaklah dianggap seolah-olah telah diubah ke hadapan. Kenaikan gaji seterusnya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan menurut Skim Perkhidmatan dan/atau surat tawaran jawatan yang berkenaan.

- (b) Sekiranya sekatan percubaan/sekatan peperiksaan pertama yang dianggap telah diubah ke hadapan itu melangkah sekatan kecekapan (bagi jawatan yang tanggagajinya mempunyai sekatan percubaan/sekatan kecekapan sahaja), seseorang pegawai itu boleh menerima kenaikan gaji dalam tempoh percubaannya walaupun diberi tangga masuk yang terletak di atas sekatan kecekapan. Sekatan kecekapan pula hendaklah dianggap turut berubah ke hadapan dan bertindih dengan sekatan percubaan/sekatan peperiksaan pertama yang dianggap telah diubah ke hadapan itu. Kenaikan gaji seterusnya adalah tertakluk kepada syarat bahawa pegawai itu disahkan dalam jawatannya dan juga memenuhi syarat melangkah sekatan kecekapan.
- (c) Sekiranya sekatan percubaan/sekatan peperiksaan pertama yang dianggap telah diubah ke hadapan itu melangkah sekatan peperiksaan kedua (bagi jawatan yang tanggagajinya mempunyai sekatan percubaan/sekatan peperiksaan pertama dan sekatan peperiksaan kedua serta sekatan kecekapan dimana berkenaan), seseorang pegawai itu boleh menerima gaji dalam tempoh percubaannya walaupun ia diberi tangga masuk yang terletak diatas sekatan peperiksaan kedua. Sekatan-sekatan berkenaan hendaklah dianggap seolah-olah diubah sewajarnya ke hadapan. Selepas disahkan dalam jawatan ia bolehlah diberi tempoh 3 tahun lagi untuk lulus peperiksaan kedua. Dalam tempoh ini ia boleh menerima kenaikan gaji tahunan. Selepas daripada tempoh itu peraturan biasa mengenai pemberhentian dan penangguhan kenaikan gaji akan dikenakan.

11. Kegananan pegawai yang diserapkan ini akan ditetapkan pada tarikh diserapkan di dalam jawatan tetap mengikut [Perintah Am Bab "A" 43](#). Jika terdapat di antara mereka yang diserapkan pada tarikh yang sama, susunan kegananan mereka akan ditentukan mengikut susunan kebolehan (order of merit) yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Kegananan

12. Faedah persaraan adalah tertakluk kepada Seksyen IV dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 tahun 1977](#).

Faedah

Bersara